

Rujukan: UKMFPEND/P108177

Tarikh: 1 Februari 2023

**Ketua Editor,
Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara (Akademika)**

YBrs. Dr.,

PENYERAHAN MANUSKRIP UNTUK JURNAL SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN ASIA TENGGARA (AKADEMIKA).

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya ingin menyerahkan manuskrip bertajuk "Kesahan dan Kebolehppercayaan Soal Selidik Pentadbir Sekolah Terhadap Kebolehlaksanaan Dasar Pendidikan Wajib 12 Tahun" oleh Juliana binti Mohd Janjang, Prof. Madya Dr. Mohamed Yusoff bin Mohd Nor dan Dr. Aida Hanim binti A. Hamid untuk dipertimbangkan dan diterbitkan dalam Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara (Akademika).

3. Untuk makluman YBrs. Dr., manuskrip ini melaporkan tentang dapatan menyeluruh mengenai kesahan dan kebolehppercayaan soal selidik pentadbir sekolah terhadap kebolehlaksanaan dasar pendidikan wajib 12 tahun. Kajian menunjukkan bahawa soal selidik yang dibina sah dan boleh dipercayai untuk mengukur dimensi kefahaman, kesediaan dan penerimaan pentadbir sekolah di Malaysia terhadap kebolehlaksanaan dasar tersebut. Saya percaya keputusan kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi pengkaji seterusnya dalam mengkaji sesuatu pelaksanaan dasar. Di samping itu, saya juga percaya penemuan kajian ini dapat menarik minat pembaca jurnal Akademika.

4. Bersama-sama ini, saya sertakan butiran maklumat mengenai penulis manuskrip ini, iaitu seperti yang berikut:

- i. Juliana binti Mohd Janjang (*Corresponding Author*)
Pelajar Ijazah Kedoktoran,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor.
E-mel: p108177@siswa.ukm.edu.my
- ii. Prof. Madya Dr. Mohamed Yusoff Mohd Nor
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor.
E-mel: yusoff1963@ukm.edu.m.y



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

FAKULTI PENDIDIKAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 6235/6461/6238 Faksimili: +603-8925 4372 E-mel: dfpend@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/fpend>



iii. Dr. Aida Hanim binti A. Hamid
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor.
E-mel: aidahanim@ukm.edu.my

5. Selain itu, saya juga ingin mengisytiharkan bahawa manuskrip ini adalah asli, belum diterbitkan sebelum ini dan kini tidak dipertimbangkan untuk diterbitkan di jurnal lain. Saya juga tahu bahawa tiada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan ini yang boleh mempengaruhi hasilnya. Sebagai *Corresponding Author*, saya mengesahkan bahawa manuskrip ini telah pun dibaca dan dipersetujui untuk dihantar ke jurnal ini oleh semua penulis yang telah dinamakan.

6. Saya berharap YBr. Dr. dapat mempertimbangkan penerbitan manuskrip ini dalam jurnal YBr. Dr. yang berprestij ini. Sebarang pertanyaan mengenai manuskrip ini, boleh dikemukakan melalui e-mel saya di p108177@siswa.ukm.edu.my.

Perhatian dan kerjasama YBr. Dr. mengenai perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

JULIANA BINTI MOHD JANJANG
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.
Tel: 013-3624662
E-mel: p108177@siswa.ukm.edu.my



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

FAKULTI PENDIDIKAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 6235/6461/6238 Faksimili: +603-8925 4372 E-mel: dfpend@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/fpend>